



09 MAR, 2023

Mesin pengimbas kastam dipertingkat

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 1 of 2

Mesin pengimbas kastam dipertingkat

Usaha kerajaan untuk mengekang kegiatan penyeludupan, kata Ahmad Maslan

Oleh Vivi Olviana Najurus

KOTAKINABALU:Kerajaan akan memastikan keupayaan mesin pengimbas di semua laluan pintu masuk di negara ini dapat dipertingkatkan dalam usaha mengekang kegiatan penyeludupan yang sering berlaku.

Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Seri Ahmad Maslan berkata kerajaan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan mengenal pasti semua kaedah untuk memastikan sistem pengimbas di laluan pintu masuk di seluruh negara ini termasuk di pelabuhan dapat dioptimumkan dari semasa ke semasa.

“Oleh itu, kita berharap agar usaha untuk meningkatkan kecekapan mesin pengimbas ini dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa di seluruh pelabuhan dan juga lapangan terbang bagi mengatasi masalah penyeludupan.



TINJAU: Ahmad Maslan selepas meninjau keberkesanan mesin pengimbas di LTAKK kelmarin.

“Selain itu, maklumat daripada orang awam juga amat penting dalam mengekang sebarang aktiviti penyeludupan,” katanya ketika ditemui selepas meninjau keberkesanan mesin pengimbas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK) di sini kelmarin.

Hadirsama Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Sabah Mohd Nasir Deraman.

Beliau berkata kes-kes penyeludupan di negara ini berlaku sebelum ini disebabkan sistem pengimbas yang kurang berkesan.

“Kos untuk mewujudkan mesin pengimbas di pelabuhan adalah kira-kira RM20 juta dan mesin pengimbas bagasi di lapangan terbang hanya RM500,000.

“Oleh itu, kita mahu pastikan semua laluan masuk di

negara ini mempunyai mesin pengimbas yang lengkap,” katanya.

Ahmad Maslan berkata melalui keberkesanan mesin pengimbas terbabit, JKDM Sabah berjaya menahan satu kontena berisi daging khinzir yang dipercayai cuba diseludup masuk ke negara ini melalui Pelabuhan Tawau dengan nilai rampasan RM365,700 termasuk duti dan cukai.

Katanya, kejayaan itu berdasarkan hasil penilaian risiko imbasan mesin berkenaan sebelum pasukan serbuan daripada Bahagian Penguatkuasaan Tawau dan Cawangan Import Eksport Pelabuhan Tawau menahan kontena dari Hong Kong yang diikrarkan sebagai kentang goreng itu.

“Hasil pemeriksaan mesin pengimbas menunjukkan imej yang meragukan, oleh itu pemeriksaan fizikal segera dilaksanakan sebelum mengesan daging khinzir dalam kontena berkenaan.

“Modus operandi bagi kes ini adalah membuat pengikraran palsu dengan meletak barang yang tidak mempunyai duti dan cukai di bahagian hadapan namun di sebalik barang yang tidak bercukai itu, terdapat barang lain yang tertakluk kepada permit import, duti import dan cukai,” katanya.

Tambahnya, kes disiasat di bawah Seksyen 135 (1) Akta Kastam 1967.



09 MAR, 2023

Mesin pengimbas kastam dipertingkat

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Usaha kerajaan untuk mengekang kegiatan penyeludupan, kata Ahmad Maslan

KOTAKIXABALU:Kerajaan akan memastikan keupayaanmesin pengimbas di semua laluan pint u masuk di negara ini dapat dipertingkatkan dalam usaha mengekang kegiatan penyeludupan yang sering berlaku. Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Seri Ahmad Maslan berkata kerajaan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akanmengenal pasti semua kaedah untuk memastikan sistem pengimbas di laluan pintu masuk di seluruh negara ini termasuk di pelabuhan dapat dioptimumkan dari semasa ke semasa.